

**KERTAS SOALAN  
PRAKTIS BESTARI  
SET 3**

---

**PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ)  
NEGERI PAHANG  
TAHUN 2014**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

Dua Jam Lima Belas Minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B.***
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---


Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak

**Bahagian A**

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan menghargai tokoh-tokoh pejuang tanah air**. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**MENGHARGAI TOKOH-TOKOH  
PEJUANG TANAH AIR**

**Bahagian B**

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.**

1. Sejak akhir-akhir ini, golongan pelajar sering dibebani dengan pelbagai tekanan seperti tekanan belajar, tekanan daripada ibu bapa dan tekanan persekitaran.

Sebagai remaja yang prihatin, jelaskan cara-cara anda mengatasi tekanan tersebut.

2. Kerajaan menggalakkan aktiviti bercucuk tanam kepada isi rumah dalam usaha mengawal perbelanjaan harian.

Huraikan kepentingan aktiviti bercucuk tanam kepada keluarga

3. Anda sebagai pegawai bahasa di Pejabat Pendidikan Daerah di tempat anda telah diminta menyampaikan sebuah ceramah. Tajuk ceramah tersebut ialah 'Manfaat Menguasai Pelbagai Bahasa'.

Tuliskan teks ceramah tersebut selengkapnya.

4. Negara-negara di dunia digesa mengawal penebangan hutan yang semakin berleluasa. Hal ini bertujuan untuk menjaga kesejahteraan alam sekitar.

Nyatakan kepentingan mengekalkan kesejahteraan alam sekitar kepada penduduk dunia.

5. Novel yang baik mempunyai ciri-ciri seperti tema yang jelas, nilai, pengajaran dan kritikan sosial serta latar masyarakat yang boleh memberi kesan kepada para pembaca.

Jelaskan tiga daripada ciri tersebut berdasarkan novel yang pernah anda baca.

**KERTAS SOALAN TAMAT**